

Kekurangan benih ikan berterusan

UM 17/3/2023 MS : 31

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Masalah sukar mendapatkan benih ikan yang dialami penternak ikan dalam sangkar di negeri ini dijangka berterusan disebabkan ketidakmampuan di peringkat pembekal menghasilkan benih dalam kuantiti yang besar.

Ini diakui seorang pengeluar dan pembekal benih ikan air tawar di Gopeng dekat sini, Mohd. Aminudin Mohd. Zaibani yang mendakwa masalah kekurangan benih ikan air tawar disebabkan beberapa perkara terutama cuaca tidak menentu yang menjasakan kadar penetasan telur ikan.

Menurutnya, kebiasaannya musim hujan pada November dan Disember tetapi kali ini berlanjutan hingga Mac yang mempengaruhi kadar penetasan telur ikan.

Katanya, apabila cuaca tidak menentu, aktiviti pembenihan ikan akan hentikan dan jika dijalankan juga, hasil yang diper-



MOHD. AMINUdin MOHD. ZAIBANI (Kiri) menunjukkan benih ikan yang diternak di pusat ternakannya di Gopeng. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

oleh tidak mampu menampung kos yg dikeluarkan.

"Induk ikan tidak bertelur seperti kebiasaan, induk kekurangan telur mungkin disebabkan faktor cuaca.

"Benih yang jadi kurang daya tahan, mudah mati. Apabila musim tak menentu, ikan mu-

dah diserang penyakit dan mudah mati dan ini bukan sahaja berlaku kepada benih, tetapi juga terjadi kepada ikan yang bersaiz pasaran," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, masalah kekurangan benih ikan terutama keli dan patin bukan sahaja berlaku di

Perak tetapi juga penternak ikan dalam sangkar di seluruh negara.

Katanya, masalah itu sudah berlaku sejak pertengahan tahun lalu dan belum ada jalan penyelesaian untuk bekalan benih kembali pulih.

"Masalah ini sudah berlaku sejak pertengahan tahun lalu

dan dijangka berterusan jika tidak diatasi dengan segera.

"Benih tilapia masih boleh dikawal tapi benih keli dan patin menghadapi masalah. Juga disebabkan kenaikan harga makanan ikan, harga keli dan patin berisiko untuk naik.

"Saya berharap agensi kerajaan yang berkaitan melihat ini sebagai satu isu yang besar kerana jika bekalan benih tidak ada, penternak tidak dapat meneruskan ternakan mereka, jadi kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang sepatutnya," katanya.

Sementara itu, Mohd. Aminudin menafikan dakwaan pihak pembekal mengutamakan tempahan dalam kuantiti yang banyak terutama penternak dari Pahang yang terjejas ternakan mereka akibat banjir di negeri itu baru-baru ini.

"Saya amalkan konsep siapa buat pesanan dahulu, dia dapat, tak kira pengusaha besar atau kecil, pesanan banyak atau sedikit," katanya.